

UCAPAN OLEH
Y.BHG. DATO' MADINAH BINTI MOHAMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MAJLIS PENYERAHAN PORTAL *AGRIBAZAAR 2.0*
SELASA, 29 MAC 2011
BILIK MEDIA, ARAS 7
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

ALU-ALUAN

- **Y. BHG. DATO' MOHD HASHIM BIN ABDULLAH**
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI (MOA)

- **Y. BRS. TUAN HAJI RAIHAN BIN SHARIF**
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PERANCANGAN) MOA

- **Y. BHG. DATO' ABDUL WAHAB ABDULLAH**
PRESIDEN DAN CEO, MIMOS BERHAD

- **KETUA-KETUA JABATAN**

- **WAKIL-WAKIL MEDIA**

- **TETAMU JEMPUTAN**

➤ **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SELAMAT PAGI DAN SALAM 1MALAYSIA.**

1. TERLEBIH DAHULU, SYUKUR KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA KITA DAPAT HADIR DALAM MAJLIS YANG AMAT BERMAKNA PADA PAGI INI. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI DI ATAS JEMPUTAN UNTUK BERSAMA-SAMA MENJAYAKAN MAJLIS PENYERAHAN PORTAL *AGRIBAZAAR 2.0* KEPADA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI.

2. PORTAL *AGRIBAZAAR 2.0* TELAH DIBANGUNKAN OLEH JABATAN PERTANIAN, KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) DENGAN KERJASAMA ERAT DARIPADA MIMOS, SEBUAH INSTITUSI PENYELIDIKAN BIDANG ICT DI BAWAH KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) BAGI MEMBANTU MELONJAK DAN MEMPERKASAKAN SUMBANGAN SEKTOR PERTANIAN KEPADA EKONOMI NEGARA.

3. SUATU KETIKA DAHULU, MUNGKIN AGAK JANGGAL JIKA ICT DIKAITKAN DENGAN PERTANIAN. NAMUN, PADA MASA KINI, ICT MERUPAKAN SALAH SATU BIDANG TEKNOLOGI YANG DAPAT MEMBAWA SUATU PROSES TRANSFORMASI UNTUK MENGUBAH SEKTOR PERTANIAN MENJADI SATU SEKTOR YANG BERCIRIKAN

PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN, BAIK PADA SKALA BESAR MAHUPUN PADA SKALA KECIL. DENGAN MENGINTEGRASIKAN TEKNOLOGI ICT DALAM SEKTOR PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI, SEKTOR INI MEMPUNYAI POTENSI UNTUK MEMBUAT ANJAKAN KEUNTUNGAN BERGANDA DAN BERKEMBANG DENGAN LEBIH PESAT SAMA ADA DI PERINGKAT TEMPATAN MAHUPUN ANTARABANGSA.

4. LANGKAH JABATAN PERTANIAN BEKERJASAMA DENGAN MIMOS ADALAH AMAT BERTEPATAN DI DALAM USAHA KERAJAAN MENGANGKAT BIDANG PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI SEJAJAR DENGAN DASAR PERTANIAN NEGARA; YANG ANTARA LAINNYA BERTUJUAN UNTUK MEWUJUDKAN SEKTOR PERTANIAN YANG MATANG, MAJU, BERDAYA TAHAN DAN BERDAYA SAING, DI SAMPING MEMANFAATKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MODEN HASIL DARIPADA R&D YANG MANTAP. IANYA JUGA SELARAS DENGAN *STRATEGIC ICT ROADMAP* UNTUK MALAYSIA YANG MENGGARISKAN BAHAWA BIDANG PERTANIAN MERUPAKAN BIDANG YANG DIKENAL PASTI AKAN MENERIMA FAEDAH YANG BESAR DENGAN PENGAPLIKASIAN DAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI ICT.

5. JUSTERU ITU, MOSTI SENTIASA MENYOKONG DAN MENGGALAKKAN USAHA DAN INISIATIF KOLABORASI UNTUK MENGAPLIKASIKAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI BUKAN SAHAJA DALAM SEKTOR PERTANIAN MALAHAN DALAM SEMUA SEKTOR MELALUI AGENSI DAN JABATAN DI BAWAH MOSTI. IANYA

ADALAH SELARAS DENGAN VISI MOSTI IAITU SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI BAGI MENJANA ILMU PENGETAHUAN, MENCIPTA KEKAYAAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT.

HADIRIN SEKALIAN,

6. PORTAL AGRIBAZAAR 2.0 INI ADALAH SUSULAN DAN HASIL PENAMBAHBAIKAN DARI PORTAL *AGRIBAZAAR* YANG TELAH DILANCARKAN OLEH MANTAN PERDANA MENTERI, Y.A.B TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI PADA TAHUN 2004.

7. PORTAL *AGRIBAZAAR* 2.0 MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR BERASASKAN INTERNET UNTUK PENGELUAR DAN PEMBEKAL MEMPROMOSI DAN MENDAGANGKAN PRODUK HASIL PERTANIAN MEREKA. TUJUAN UTAMA PORTAL INI ADALAH UNTUK MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR INTERNET DAN LANDASAN UNTUK PEMBELI DAN PENJUAL BERKUMPUL DAN MELAKUKAN TRANSAKSI PERNIAGAAN MEREKA DENGAN PANTAS SECARA ONLINE.

8. DENGAN MENGGUNAKAN *AGRIBAZAAR*, PENJUAL DAN PEMBELI AKAN DIHUBUNGAN SECARA LANGSUNG TANPA MELIBATKAN ORANG TENGAH SERTA INI AKAN MEMBANTU MENGHAPUSKAN KOS YANG BIASA DIKENAKAN OLEH ORANG TENGAH DAN SEKALIGUS MEMBANTU UNTUK MENINGKATKAN LAGI SUMBER PENDAPATAN PENGELUAR DAN PEMBEKAL PRODUK PERTANIAN.

9. KEWUJUDAN PLATFORM TEKNOLOGI YANG DIBANGUNKAN OLEH MIMOS INI PASTINYA AKAN MEMBERI IMPAK YANG BESAR KEPADA INDUSTRI PERTANIAN MALAYSIA KERANA IA MEMBOLEHKAN PERUNCIT, PEMBORONG, PENGUMPUL, PENGEDAR, PETANI, IKS, PENGEKSPORT, PENGIMPORT, DAN PEMBEKAL LOGISTIK UNTUK BERINTERAKSI DAN MENGURUSKAN PERDAGANGAN PENGELUARAN HARIAN PERTANIAN SECARA DALAM TALIAN (ONLINE). PENGGUNA JUGA BOLEH MERANCANG USAHASAMA DAN NETWORKING BARU MENERUSI PORTAL INI.

10. JELAS SEKALI, PORTAL *AGRIBAZAAR* MEMBERIKAN BANYAK KELEBIHAN KEPADA MEREKA YANG BERGIAT DI BIDANG PERTANIAN DAN ADALAH DIHARAPKAN PORTAL INI AKAN DIMANFAATKAN SEPENUHNYA DEMI PEMBANGUNAN SEKTOR PERTANIAN NEGARA DAN SETERUSNYA MENYUMBANG KEPADA KEMAJUAN EKONOMI NEGARA.

SEKIAN, SAYA SUDAH DENGAN WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIWABARAKATUH.